

Hak kerakyatan mesti dibayar dengan kesetiaan – PM

U.M. 14 AUG 1971

PETALING JAYA 13 Ogos — Perdana Menteri mengingatkan rakyat negara ini bahawa hak kerakyatan bukanlah percuma dan mesti dibayar dengan kesetiaan serta rasa tanggungjawab kepada negara.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat juga harus sedar bahawa menjadi warganegara Malaysia adalah satu keistimewaan yang mahu dimiliki oleh ramai rakyat asing.

Beliau melahirkan rasa kecewa kerana ada pihak di negara ini, khususnya kumpulan pendesak yang begitu taksub dengan nilai - nilai Barat hingga mereka memikirkan kerakyatan tidak memerlukan kesetiaan.

"Walaupun kita begitu liberal dan membenarkan orang ramai menubuhkan kumpulan pendesak tetapi janganlah membenarkan diri mereka didorong oleh orang asing," katanya kepada para pemberita selepas melancarkan kad pengenalan baru di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata,, kerajaan tidak boleh menarik balik

kewarganegaraan mana-mana rakyat Malaysia kecuali terbukti mereka telah menggunakan hak sebagai warganegara asing, misalnya, mengundi semasa pilihanraya di negara berkenaan.

Menurut beliau, walaupun tidak serius dan belum sampai ke tahap mengancam keselamatan negara tetapi terdapat kumpulan pendesak di negara ini yang menjadi alat kepada orang asing.

Hipokrit

"Kita dapati mereka mempunyai banyak wang dan kita hairan di mana mereka dapat wang," katanya ketika ditanya sama ada kumpulan tersebut mendapat pembiayaan daripada pihak asing.

Dato' Sri Dr. Mahathir kemudiannya menyifatkan kumpulan pendesak asing seperti kumpulan Greens, yang datang ke negara ini sebagai hipokrit.

Beliau berkata, golongan berkenaan mendakwa kononnya mereka berjuang untuk hak asasi manusia dan alam sekitar.

LHAT MUM 2

MESTI DIBAYAR DENGAN KESETIAAN

"Mereka datang dari negara yang mendaulatkan undang - undang dan selalu memperkatakan soal peraturan undang - undang tetapi apabila datang ke sini mereka langgar undang - undang kita," ujanya sambil menyifatkan kumpulan pendesak ini sebagai masih berfikiran kolonial.

Beliau berkata, kumpulan ini tidak ikhlas kerana sepatutnya mengadakan demonstrasi di negara mereka yang lebih banyak menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Perdana Menteri memberi contoh Bruno Manser yang kononnya memperjuangkan alam sekitar dan tinggal bersama - sama kaum Penan dengan keadaan yang tidak teratur tetapi pulang ke ne-

garanya dan tinggal di dalam rumah yang serba lengkap.

"Kalau dia duduk dengan orang Penan untuk selama - lamanya, kita boleh percayalah, tetapi dia duduk di situ cuma untuk mendapat publisiti sahaja, tiada keikhlasan," jelas beliau.

Beliau menegaskan soal hal asasi dan alam sekitar adalah tanggungjawab rakyat negara ini dan rakyat Malaysialah yang sepatutnya menentukan apa yang perlu dipertahankan.

Ditanya mengenai kempen anti kayu tropika yang telah menyebabkan eksport barangan itu ke Eropah merosot, beliau berkata, sebagai sebuah negara kecil dan lemah, kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa.